

12 MAR 2004

Pilihan raya-Perak

PERAK BAKAL JADI TUMPUAN PEMERHATI POLITIK NEGARA

IPOH, 12 Mac (Bernama) -- Bahang pilihan raya di Perak yang pada awalnya dijangka tidak serancak negeri-negeri lain, tiba-tiba menjadi panas dalam tempoh dua minggu ini sehingga menjadi antara fokus utama pilihan raya umum ke-11.

Dengan hanya tiga kerusi parlimen dan lapan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang dikuasai pembangkang pada 1999, Perak pada mulanya dijangka tidak menjanjikan persaingan sengit, terutama kerana tiada isu-isu nasional seperti lima tahun lepas.

Bagaimanapun, apabila pencalonan untuk 24 kerusi parlimen dan 59 kerusi DUN di negeri yang mempunyai 1.17 juta pengundi dibuka esok, Perak bakal menjadi tumpuan pemerhati politik.

Yang pasti bertanding ialah lima Menteri Pusat iaitu Datuk Seri S. Samy Vellu (Sungai Siput), Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik (Beruas), Datuk Seri Rafidah Aziz (Kuala Kangsar), Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz (Padang Rengas) dan Brig Jen (B) Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin (Parit Buntar).

Suasana sunyi di Perak tiba-tiba melonjak apabila Pengerusi DAP Lim Kit Siang menyatakan hasrat bertanding di Ipoh Timor selepas beberapa penggal mempertaruhkan nasib politiknya di Pulau Pinang.

Tiba-tiba DAP berhasrat menjadikan Perak barisan hadapannya selepas gagal berbuat demikian di Pulau Mutiara itu dan fokus mereka ialah Lembah Kinta yang menawarkan tiga kerusi parlimen dan sembilan DUN.

Umno pula yang selama ini mengerakkan segala jenteranya ke arah menawan semula Parit dan Parit Buntar daripada PAS tiba-tiba tersentak apabila kerusi miliknya di Bukit Gantang mahu diberikan kepada rakan komponen Barisan Nasional (BN), Parti Progresif Penduduk (PPP).

Umno Bukit Gantang yang membantah keras kehadiran Presiden PPP, Datuk M. Kayveas, menutup bilik-bilik gerakan dan menghantar rombongan menemui

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali.

Isu yang di luar jangkaan ini menyebabkan hasrat BN Negeri untuk "sifar Pembangkang" sedikit sebanyak terjejas.

"Memang kita yakin dapat tawan semula semua kerusi tetapi dengan masalah Bukit Gantang dan kehadiran Lim Kit Siang ini, kita sedikit sebanyak akan hadapi masalah tetapi saya rasa tidaklah besar kesannya," kata Tajol Rosli.

Tindakan cepat pucuk pimpinan dan permuafakatan BN membolehkan isu Bukit Gantang ditangani apabila Gerakan bersetuju membenarkan parlimen Taiping yang dimilikinya diberikan kepada Kayveas manakala Ketua Wanita Gerakan Perak Tan Lian Hoe bertanding di Bukit Gantang.

Tajol Rosli menganggap bantahan Umno Bukit Gantang sebagai "style Umno" kerana mereka memperjuangkan hak sedia ada tetapi dasar kongsi kuasa BN dan kematangan pemimpin-pemimpinnya berjaya menyelesaikan kemelut itu.

Isu Bukit Gantang timbul apabila PPP, yang kali terakhir bertanding pilihan raya pada 1986, menghadapi masalah mendapatkan kerusi yang sesuai yang akhirnya memaksa pucuk pimpinan BN meminta Tajol Rosli membantu menyelesaikan masalah itu.

Perak dipilih kerana ia adalah kubu kuat PPP satu masa dulu.

"Mereka masuk Perikatan semasa mereka masih kuat. Pucuk pimpinan berpendapat adalah tidak patut mereka diketepikan hanya kerana mereka tidak kuat sekarang," kata Tajol Rosli.

Sebagai jalan penyelesaian, BN Negeri mencari kerusi parlimen dengan majoriti Melayu terendah dan Bagan Datok didapati memenuhi kriteria itu tetapi tidak dicadangkan kerana penyandanganya Datuk Zahid Hamidi masih mahu bertanding.

Akhirnya, Bukit Gantang dipilih kerana penyandang Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan telah menyatakan tidak mahu bertanding semula.

Walaupun pucuk pimpinan parti tidak menjanjikan apa-apa jawatan kepada pemimpin bahagian Bukit Gantang, difahamkan Ketua Penajanya Datuk Mat Isa Ismail akan dipilih sebagai Speaker DUN jika beliau menang DUN Changkat Jering.

Lawatan setengah hari Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib

Tun

Razak pada Isnin ini ke daerah Kerian dijangka sedikit sebanyak mengurangkan ketegangan di sana.

Bagi kawasan lain pula, Umno berharap pemilihan calon yang berdasarkan faktor setempat akan membantunya menawan beberapa kawasan kubu PAS, terutama Parit Buntar, Parit dan Bagan Serai.

Di Parit, Umno memilih ketiga-tiga calon parlimen dan DUN daripada kalangan anak tempatan yang aktif di peringkat bahagian, termasuk Ketua Penaja Datuk Zaim Abu Hassan (DUN Belanja) dan Nasaruddin Hashim (parlimen).

Sebelum ini, Ketua Penaja Ipoh Barat dan Pengerusi Felcra Datuk Hamzah Zainuddin dilihat sebagai calon terbaik untuk menawan semula kerusi itu tetapi Umno Parit berkeras mahu pemimpin bahagian kerana sentimen "Orang Luar" menyebabkan bekas menteri perdagangan dalam negeri dan hal ehwal pengguna Tan Sri Megat Junid Megat Ayob kalah di situ pada 1999.

"Kita bagi seperti yang mereka mahu. Jadi Umno Parit kena kerja keras untuk pastikan mereka menang...kalau tidak ini akan tunjukkan Umno sendiri tidak kuat di situ," kata Tajol Rosli.

Bagi Parit Buntar, calon luar tidak menjadi masalah bagi Umno kerana penyandangannya sekarang, Naib Presiden PAS Datuk Dr Hassan Ali adalah orang luar tetapi kriteria keagamaan menjadi faktor utama.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Brig Jen (B) Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin yang memegang portfolio agama menjadi pilihan Umno manakala Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas Perak dan seorang penceramah agama yang popular, Kapt (B) Najmuddin Alias Al-Hafiz, 40, akan turun di DUN Batu Kurau.

Satu lagi kerusi Umno yang agak "panas" ialah di Bagan Serai dengan Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Zainal Abidin Zin akan ditentang sekali lagi oleh Pesuruhjaya PAS Perak, Ahmad Awang.

Ketika Umno menumpukan jenteranya di kubu kuat PAS, MCA menghadapi tekanan untuk mengulangi kejayaannya berikutan kehadiran Lim Kit Siang di Ipoh Timor yang mempunyai 62,531 pengundi atau 85.3 peratus pengundi Cina,

iaitu yang tertinggi di negara ini.

Pengerusi MCA Perak Datuk Ong Ka Chuan bertindak nekad beralih ke parlimen Batu Gajah untuk menentang penyandangannya Fong Po Kuan dalam usaha membendung kemaraan DAP yangh hanya menang satu parlimen dan empat DUN pada 1999.

DAP mahu mengembalikan era kegemilangannya di Perak pada tahun 1990-an apabila parti itu mana memenangi empat kerusi parlimen dan 13 DUN tetapi hanya menang satu DUN di Sitiawan pada 1999.

Ketiadaan isu yang boleh mencetuskan kemarahan rakyat pada kerajaan tidak menjadi masalah kepada DAP yang mahu undi simpati, terutama penyokong Kit Siang yang mahu beliau diberi peluang terakhir untuk menjejak kaki semula ke parlimen selepas gagal berbuat demikian di Pulau Pinang lima tahun lepas.

Kit Siang mungkin telah berpindah kawasan tetapi "bekas seteru politiknya", bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad tetap berada dalam bayangannya.

Dr Mahathir akan turun di Ipoh Timor pada 19 Mac ini untuk membantu calon BN, Thong Fah Chong untuk menarik sokongan pengundi, terutama orang Cina yang mempunyai penghormatan tinggi kepada beliau.

Bagi MIC pula, pengguguran timbalan presiden Datuk S. Subramaniam dijangka tidak memberi kesan banyak kerana penyokong beliau berselerak di seluruh negara dan umumnya mereka adalah penyokong kuat BN.

Walau apapun, Perak pasti menjadi tumpuan pemerhati politik tempatan yang mungkin ingin melihat kejutan sekali lagi di negeri yang menyaksikan seorang menteri (Megat Junid) gugur lima tahun lepas.

Tetapi berdasarkan faktor semasa, Perak mungkin juga menjadi "kubur" bagi setengah ahli politik veteran.

-- BERNAMA

AR LAT